

07 MAR 2003

Sultan-Pingat (EMBARGO/0001/8 MAC 2003)

SULTAN MIZAN KETUAI SENARAI PENERIMA DARJAH, PINGAT KEBESARAN SELANGOR

SHAH ALAM, 7 Mac (Bernama) -- Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin mengetuai senarai penerima darjah kebesaran negeri Selangor sempena pertabalan dan kemahkotaan Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan negeri itu yang ke sembilan esok.

Menurut kenyataan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di sini, Sultan Mizan dianugerahi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DKI) negeri Selangor tahap pertama.

Turut menerima darjah kebesaran DKI ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tengku Panglima Diraja Selangor Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dianugerahi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Tahap Kedua (DK II).

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman pula menerima Darjah Seri - Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Tengku Zerafina binti Sultan Sharafuddin Idris Shah dianugerahi Darjah Dato' Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) yang membawa gelaran Datuk Setia.

Sepuluh orang menerima pingat Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran Datuk termasuk Timbalan Panglima Angkatan Tentera Laut Laksamana Madya Datuk Mohd Anwar Hj Mohd Nor, Ketua Polis Selangor Datuk Hj Mohd Noor Hamat dan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Dell Akbar Khan Hyder Khan.

Penerima yang lain ialah Pengurus Besar Kanan Jabatan Berita dan Hal Ehwal Semasa TV3 Datuk Chamil Wariya dan Ketua Cawangan Umno Gombak Ahmad Bujang, Lim Kheng Guan, Prof Dr Mohd Amin Jalaludin, Datuk Sulaiman Bakar, S. Thanarajasingam dan Zainuddin Hj Zainal Abidin.

Seramai 14 orang menerima anugerah Dato' - Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerimanya ialah Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang Mohd Sharif Yusof, Editor Eksekutif The Star Datuk Wong Chun Wai. Penerima lain ialah Abdul Rashid Yusof, Dr Mohd Kassim Hj Ali, Datuk Francis Chang-Hsun Huang, Hj Abdul Termuzi Hj Abdul Aziz. Ibrahim Md Yusof dan Johari Abdul Ghani.

Liew Poon Siak, Prof Dr Mohamed Shariff Mohamed Din, Prof Dr Mohd Razali Agus, Richard Alexander John Curtis, Voon Tin Yow, dan Raja Uzair Tengku Zainon Rashid Shah.

Seramai 13 orang menerima darjah Setia Mahkota Selangor (S.M.S.), antaranya ialah Pengarang Kanan Utusan Melayu (M) Bhd Abdul Aziz Ishak dan Ketua daerah polis Kuala Selangor Supt Mohd Azmir Mohd Nadzri.

Selain itu, 11 orang menerima anugerah pingat Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S), 15 orang menerima pingat Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.), 13 orang menerima pingat Ahli - Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S), dan dua orang menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C).

-- BERNAMA

RIZ RIZ ROS